



SURAT PEKELILING KEWANGAN BILANGAN 10 TAHUN 2025

PEMAKAIAN GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PEROLEHAN PROGRAM KAMPUNG ANGKAT MADANI

Pejabat Bendahari

18 November 2025

Disalinkan kepada :

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Penolong Naib Canselor (Strategik & Kelestarian Global)

Pegawai-Pegawai Kanan

SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 10/2025

PEMAKAIAN GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PEROLEHAN PROGRAM KAMPUNG ANGKAT MADANI

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bagi memaklumkan tentang Pemakaian Garis Panduan Pelaksanaan Perolehan Program Kampung Angkat Madani.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Kerajaan telah memperuntukan RM200 juta bagi melaksanakan Program Kampung Angkat MADANI.
- 2.2 Inisiatif ini diterajui oleh semua Ketua Setiausaha, Ketua Perkhidmatan, Ketua Pengarah, Universiti dan terbuka kepada Badan Berkanun Persekutuan untuk menggembeng tenaga merentas kementerian serta bekerjasama dengan GLC, GLIC dan badan swasta bagi melengkapkan sasaran 200 Kampung Angkat MADANI.
- 2.3 Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) telah memastikan pelaksanaan disegerakan dan diselaras bersama dengan semua pihak bagi memberikan impak pembangunan kepada masyarakat.
- 2.4 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 6/2025 yang telah bersidang pada 25 Jun 2025 telah meluluskan Pemakaian Garis Panduan Pelaksanaan Perolehan Program Kampung Angkat Madani.

3.0 CADANGAN PEMAKAIAN DI UTeM

3.1 Berdasarkan kepada Pemakaian Garis Panduan Pelaksanaan Perolehan Program Kampung Angkat Madani seperti di **Lampiran 1**.

3.2 Kaedah dan had nilai perolehan yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut;

Bil	Kaedah Perolehan	Had Nilai
1.	Lantikan Terus	Sehingga RM200 ribu
2.	Kerja requisiton secara undian	Sehingga RM200 ribu
3.	Gotong-Royong	Sehingga RM500 ribu
4.	Sebut harga	Melebihi RM200 ribu hingga RM1 juta
5.	Pelaksanaan oleh Institusi TVET	Sehingga RM200 ribu

3.3 Tatacara perolehan adalah seperti mana peraturan PKPU Bab C – Kaedah Perolehan Kerja yang telah berkuat kuasa seterusnya had kuasa pembayaran adalah tertakluk Manual Had Kuasa Kewangan PKPU.

3.4 Garis Panduan ini akan dikemas kini dalam Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU), Bahagian Pengurusan Perolehan Universiti dijadikan sebagai lampiran di Bab C – Kaedah Perolehan Kerja Universiti.

4.0 TARIKH KUAT KUASA

4.1 Semua PTj hendaklah memastikan Surat Pekeliling Kewangan ini dipatuhi sepenuhnya.

4.2 Pelaksanaan Garis Panduan Pelaksanaan Perolehan Program Kampung Angkat Madani ini diguna pakai berkuat kuasa 25 Jun 2025.

Sekian, harap maklum.

Terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”**

Saya yang menjalankan amanah,



SABARINA BINTI ABDULLAH
Bendahari
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
FARA/UPE/Kampung Angkat Madani